

**COMMUNICATIONS AND MEDIA LAW IN MALAYSIA.** Oleh Syahirah Abdul Shukor, Resali Muda, Hendun Abd Rahman Shah, Abidah Abdul Ghafar, Nik Salida Suhaila Nik Saleh dan Nazura Abdul Manap. USIM Press. Negeri Sembilan. 2020. Halaman. 159. ISBN 978-967-440-711-7.

Komunikasi melibatkan pelbagai medium, antaranya penggunaan teknologi ataupun melalui kaedah tradisional, iaitu penulisan di atas kertas. Selaras dengan perkembangan teknologi masa kini, maka telah diwujudkan pelbagai undang-undang berkaitan komunikasi dan media disamping badan-badan tertentu yang mengawal selia aktiviti tersebut. Dalam masa yang sama, undang-undang sedia ada perlu mengambil kira hak kebebasan bersuara yang dijamin oleh Perlembagaan Malaysia melalui Artikel 10. Justeru, buku bertajuk “Communications and Media Law In Malaysia” secara amnya telah mengupas tentang bagaimanaimbangan boleh dibuat di antara kebebasan bersuara dan juga limitasi terhadap kebebasan tersebut. Selain itu, dengan mengambil kira peralihan kerajaan yang berlaku semasa Pilihanraya Umum ke-14, perbincangan undang-undang yang dibuat di dalam buku ini hanyalah undang-undang yang relevan setakat 9 Mei 2018 dan ada kemungkinan terdapat perubahan dari segi undang-undang yang dibincangkan disebabkan peralihan kerajaan pada waktu tersebut.

Buku ini ialah karya penulisan Syahirah Abdul Shukor, Resali Muda, Hendun Abd Rahman Shah, Abidah Abdul Ghafar dan Nik Salida Suhaila Nik Saleh iaitu pensyarah-pensyarah dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) manakala Nazura Abdul Manap merupakan Professor dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Buku yang dihasilkan oleh penulis-penulis ini merupakan hasil dari geran penyelidikan yang bertajuk “Construction of Child Protection on the Internet under the Malaysian Laws” iaitu geran di bawah kod USIM/RACE/FSU503123.

Buku yang mengandungi 159 halaman ini dibahagikan kepada 7 bab. Setiap bab di dalam buku ini disusun berdasarkan pada undang-undang yang relevan berkaitan komunikasi dan media di Malaysia. Susunan bab yang kemas di dalam buku ini memudahkan pembaca memahami jenis undang-undang yang bersangkut paut dengan komunikasi dan media di Malaysia. Ini dapat dilihat apabila perbincangan am berkaitan undang-undang komunikasi dan media di Malaysia dimuatkan dalam bab 1 buku ini. Melalui bab 1 yang bertajuk “Komunikasi dan Undang-Undang Media di Malaysia”, definisi undang-undang media dan prinsip kebebasan bersuara yang menjadi teras dalam hak asasi manusia dibincangkan secara jelas dalam bab ini. Penulis-penulis menerangkan secara terperinci prinsip kebebasan bersuara yang terkandung di dalam Perlembagaan Malaysia dan ia disertakan dengan contoh-contoh kes berkaitan prinsip tersebut.

Selain daripada perbincangan berkaitan hak kebebasan bersuara, bab 1 ini juga menyenaraikan agensi yang bertanggungjawab mengawal selia industri komunikasi dan media di Malaysia seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan juga Cyber Security Malaysia di samping memberi penerangan berkaitan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang telah diwujudkan di Malaysia sejak tahun 1996. Melalui bab ini, penulis-penulis menggariskan tiga isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh media di Malaysia iaitu penghapusan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Pencegahan Keganasan 2015 dan juga penapisan kandungan tertentu di internet yang dianggap menyinggung perasaan. Di penghujung bab 1, penulis-penulis melahirkan kebimbangan terhadap perubahan gaya hidup masa kini akibat daripada internet serta mempersoalkan sama ada wujud keperluan untuk memperkenalkan undang-undang baru bagi tujuan menangani isu berkaitan etika di internet.

Perbincangan berkaitan komunikasi dan media adalah tidak lengkap tanpa undang-undang siber. Justeru, penulis-penulis melalui bab 2 buku ini telah membawa pembaca menelusuri undang-undang berkaitan siber di Malaysia berserta agensi yang bertanggungjawab terhadap undang-undang tersebut. Secara keseluruhannya, bab 2 ini menyenaraikan beberapa undang-undang siber seperti berikut:

- (i) Akta Tandatangan Digital 1997 ( Akta 562)
- (ii) Akta Jenayah Komputer 1997 ( Akta 563)
- (iii) Akta Teleperubatan 1997 ( Akta 564)
- (iv) Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 ( Akta 588)
- (v) Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 ( Akta 589)
- (vi) Akta Perdagangan Elektronik 2006 ( Akta 658)
- (vii) Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 ( Akta 680)
- (viii) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ( Akta 709)

Intipati bab 2 buku ini memperlihatkan tentang kepelbagaiannya undang-undang yang wujud bagi tujuan memenuhi keperluan transaksi menggunakan medium elektronik dan juga secara atas talian. Perbincangan di dalam bab ini juga memfokus pada tujuan, kepentingan dan peruntukan utama dalam setiap undang-undang siber yang disenaraikan di atas. Secara ringkasnya, bab 2 ini juga memberi gambaran kepada pembaca bahawa undang-undang siber bukanlah undang-undang yang statik kerana perkembangannya perlu seiring dengan perkembangan teknologi bagi tujuan menjamin keselamatan pengguna yang menggunakan medium elektronik. Di penghujung bab 2, penulis-penulis menyarankan agar masyarakat mengamalkan sikap berwaspada ketika melayari internet kerana isu keselamatan awam seperti serangan dan keganasan siber boleh berlaku walaupun telah wujud undang-undang untuk melindungi orang awam daripada aktiviti tersebut.

Bab 3 buku ini pula membincangkan tentang undang-undang fitnah di internet. Melalui bab 3, penulis-penulis menerangkan bahawa undang-undang berkaitan fitnah di Malaysia terkandung di dalam Akta Fitnah 1957. Selari dengan tajuk bab 3 ini, penulis-penulis tidak hanya memfokus perbincangan pada Akta Fitnah 1957, malah membincangkan undang-undang lain yang bersangkut paut dengan hukuman perbuatan fitnah iaitu undang-undang tort dan juga Akta Keterangan 1950. Melalui bab ini juga, pembaca dapat memahami apakah ciri-ciri pernyataan yang dianggap fitnah samada pernyataan tersebut diucap, ditulis atau diterbitkan di internet, pembelaan bagi tuduhan fitnah dan juga gantirugi yang boleh dituntut di mahkamah akibat daripada perbuatan fitnah. Beberapa kes berkaitan fitnah yang dibuat secara atas talian dengan menggunakan medium *Facebook*, e-mel dan blog juga dibincangkan dalam bab 3.

Selain isu berkaitan fitnah di internet, isu berkaitan hasutan di media elektronik juga mendapat perhatian penulis-penulis buku ini yang membincangkannya di dalam bab 4. Menurut penulis-penulis, walaupun terdapat cadangan agar Akta Hasutan 1948 diganti dengan Akta Keharmonian Nasional 2012, namun, Akta Hasutan 1948 dilihat masih relevan bagi mengekalkan keharmonian di dalam masyarakat Malaysia. Melalui bab 4, pembaca akan didedahkan dengan tafsiran terma “hasutan” serta pemakaianya di dalam konteks hak kebebasan bersuara. Penulis-penulis juga mengupas dengan terperinci tentang latar belakang Akta Hasutan 1948 yang dikatakan diwarisi sejak zaman pemerintahan British di Tanah Melayu. Selain itu, bab 4 ini juga mendedahkan tentang kritikan yang pernah dibuat oleh pejuang hak kebebasan manusia terhadap Akta Hasutan 1948 yang disifatkan sebagai “kabur” dek kerana kelemahannya memberi tafsiran terhadap maksud “hasutan” itu sendiri. Dalam masa yang sama, penulis-penulis juga menyenaraikan kronologi peristiwa yang menyaksikan Akta Hasutan 1948 digunakan oleh kerajaan untuk menghentikan isu-isu berkaitan kritikan

terhadap kerajaan berhubung kait soal polisi semasa, hal ehwal politik serta hak istimewa orang Melayu.

Bab 5 buku ini membincangkan tentang Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984 di Malaysia. Penulisan dalam bab ini menceritakan secara jelas tentang perkembangan undang-undang berkaitan penerbitan dan mesin cetak sejak dari tahun 1880-an sehingga kini. Melalui bab 5, pembaca didedahkan dengan peruntukan-peruntukan utama dalam Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984 khususnya perkara berkaitan permit bagi tujuan penerbitan, larangan penerbitan dan penerbitan berita palsu. Perbincangan dalam bab 5 buku ini juga amat menarik kerana ia didatangkan dengan contoh-contoh kes yang telah diputuskan oleh mahkamah yang bersangkut paut dengan undang-undang berkaitan penerbitan dan mesin cetak. Penulis-penulis juga menyatakan pandangan mereka terhadap Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984 yang dianggap sebagai undang-undang yang ketat kerana Akta ini dilihat mampu untuk mengawal penerbitan berunsur jahat yang boleh mengundang keadaan yang tidak harmoni di dalam masyarakat.

Selain dari itu, penulis-penulis buku ini juga turut membawa pembaca memahami undang-undang yang melindungi rahsia kerajaan di dalam bab 6. Melalui bab 6, penulis-penulis memperincikan perbincangan tentang Akta Rahsia Rasmi 1972 yang berkisar tentang latar belakang kewujudan Akta tersebut, pendefinisian terma “rahsia rasmi”, “dokumen”, “penjawat awam” di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972, klasifikasi dokumen terperingkat dan juga diklasifikasi, kesalahan dan penalti, kuasa menyiasat, menahan dan merampas serta peruntukan di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 berkaitan anggapan. Perbincangan di dalam bab 6 ini menjadi lebih menarik kerana pembaca disajikan dengan contoh-contoh kes yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 namun tidak dilapor. Antara kes-kes yang dibincangkan oleh penulis-penulis di dalam bab 6 ini ialah pendedahan yang dibuat oleh wartawan dari Harian Metro berkaitan kes penculikan seorang kanak-kanak lelaki berusia 14 tahun yang diklasifikasikan oleh pihak polis sebagai sulit dan kes kebocoran soalan kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) oleh guru dari sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil pada tahun 2014 dan 2015.

Bab terakhir buku ini, iaitu bab 7 membincangkan tentang undang-undang hakcipta yang merupakan salah satu cabang undang-undang harta intelek. Di Malaysia, undang-undang berkaitan hakcipta termaktub di dalam Akta Hakcipta 1987 (Akta 332). Di dalam bab ini, pembaca akan didedahkan dengan perkara asas berkaitan undang-undang hakcipta seperti syarat-syarat dan hak perlindungan, tempoh dan limitasi perlindungan dan juga isu berkaitan perlanggaran hakcipta. Menurut penulis-penulis, terdapat 4 syarat utama yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu karya itu dilindungi oleh Akta Hakcipta 1987 iaitu, keaslian, karya hendaklah ditulis atau direkod dalam bentuk bahan, senarai karya yang dipohon bagi tujuan hakcipta mestilah karya yang terkandung di bawah seksyen 7(1) dan juga kelayakan pemohon yang memohon perlindungan Akta Hakcipta 1987. Dalam pada itu, penulis-penulis juga menerangkan tentang keunikan undang-undang hakcipta kerana tiada pendaftaran perlu dibuat bagi tujuan memohon perlindungan di bawah Akta Hakcipta 1987 selagi mana keperluan syarat utama yang diatas dipenuhi oleh seseorang pencipta karya. Namun begitu, bagi tujuan memudahkan proses kenalpasti pencipta dan pemunya karya, maka Seksyen 26A telah diperkenalkan melalui pindaan Akta Hakcipta 1987 pada tahun 2012. Seksyen tersebut yang dinamakan sebagai pemberitahuan sukarela menyatakan bahawa pencipta karya boleh membuat pemberitahuan sukarela berkaitan karya yang telah dicipta di pejabat Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Penulis-penulis juga membincangkan tentang hak ekonomi dan hak moral pencipta karya serta tempoh perlindungan undang-undang yang diberikan terhadap karya yang dihasilkan. Untuk makluman, tempoh perlindungan tersebut berbeza antara satu sama lain bergantung pada jenis karya yang dihasilkan. Walaupun undang-undang hakcipta dilihat bertujuan untuk mengekang peniruan dan ulang cetak tanpa kebenaran pencipta karya, namun masih terdapat perkara-perkara yang diberikan pengecualian oleh undang-undang sekiranya ia terkandung di dalam maksud “urusan wajar” di dalam Akta Hakcipta 1987. Sekiranya perbuatan yang dilakukan tidak termasuk dalam maksud “urusan wajar” maka, ia sekaligus mengundang perlanggaran hakcipta di bawah Akta Hakcipta 1987. Di akhir bab ini, penulis-penulis menyatakan pandangan mereka terhadap pindaan Akta Hakcipta 1987 yang dibuat pada tahun 2012 yang dianggap sesuai bagi tujuan memastikan Akta tersebut selaras dengan peredaran semasa.

Sebagai mengakhiri penulisan buku ini, penulis-penulis menyatakan bahawa perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah memberikan impak terhadap undang-undang berkaitan komunikasi dan media di Malaysia di samping keadaan politik dan ekonomi yang sedikit sebanyak mempengaruhi undang-undang dan peraturan berkaitan media. Menurut penulis-penulis lagi, industri komunikasi dan media telah melalui perubahan dalam strukturnya sendiri yang pada asalnya bersifat monopoli, namun telah berubah menjadi persaingan. Penulis-penulis juga menyatakan keyakinan mereka bahawa buku ini mampu memberikan perbincangan komprehensif berkaitan undang-undang media dan komunikasi di Malaysia.

Secara kesimpulannya, buku ini dilihat mampu memberikan gambaran yang jelas berkaitan undang-undang komunikasi dan media di Malaysia kerana ia menerangkan satu persatu undang-undang yang berkaitan dengannya. Pendekatan yang digunakan oleh penulis-penulis dalam memberikan penerangan dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dilihat sesuai terutama bagi orang awam yang ingin mengetahui tentang undang-undang berkaitan komunikasi dan media di Malaysia. Tidak lupa juga buku ini sesuai digunakan sebagai rujukan utama pelajar-pelajar universiti dan golongan profesional yang ingin mendalami undang-undang berkaitan komunikasi dan media di Malaysia. Selamat membaca!

**Haliza A. Shukor (PhD)**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).